

28/07/2002

Operasi banteras perisian cetak rompak Ogos

Ismail Mat

MUAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan melancarkan operasi besar-besaran membanteras penggunaan perisian komputer yang dicetak rompak mulai bulan depan.

Ketika ini, penggunaan perisian cetak rompak merangkumi kira-kira 60 peratus komputer di negara ini selepas menurun kira-kira 10 peratus hasil operasi pertama yang dijalankan dua tahun lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata harga perisian yang terlalu mahal dalam pasaran adalah punca utama penggunaan perisian bahan cetak rompak berlaku.

Beliau berkata, hingga kini, persatuan pengeluar perisian (BSA) tidak memberi sebarang reaksi positif terhadap permintaan Kerajaan Malaysia supaya mereka menurunkan harga perisian.

"Rakyat Malaysia kini sudah mula celik komputer dan teknologi maklumat. Banyak pihak dalam industri perniagaan rasa perlu menggunakan teknologi, tetapi kerana kos tinggi di peringkat permulaan, ini boleh menjejaskan operasi mereka.

"Namun, hujah ini tidak boleh guna ini sebagai alasan untuk mereka menggunakan perisian cetak rompak kerana harta intelektual adalah milik orang dan menggunakan tanpa bayar adalah satu kesalahan.

"Bulan depan, kita sekali lagi melancarkan operasi membanteras penggunaan perisian komputer tidak sah ini ke semua syarikat yang kita dapat maklumat menggunakan perisian cetak rompak.

"Macam dua tahun lalu, kita hantar notis kepada lebih 200,000 premis perniagaan dan berjaya menurunkan daripada 70 kepada 60 peratus. Mungkin sekolah dan tempat kebajikan dikecualikan kerana mereka tidak menggunakan perisian untuk tujuan komersial," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan Peringkat Johor 2002 di Sekolah Menengah Sultan Alauddin dekat Pagoh, pagi semalam.

Sayembara itu disertai 11 peserta yang mewakili daerah masing-masing seluruh Johor. Turut hadir Pengarah Jabatan Perkhidmatan Penerangan Johor, Endot Yusof dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Bukit Serampang, Tahir Taat.

Muhyiddin berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri pernah menyuarakan perkara serupa kepada Pengasas Microsoft, Bill Gates, tetapi hingga kini, harga perisian masih tinggi seperti dulu.

Beliau berkata, kerajaan masih mengharapkan penurunan harga perisian diberikan perhatian oleh pengeluatnya kerana membanteras cetak rompak memerlukan kerjasama industri berkenaan.

"Saya dimaklumkan oleh BSA, dari segi nilai cetak rompak perisian komputer yang terbesar sekali adalah di Amerika Syarikat kerana negara ini paling banyak menggunakan komputer.

"Di Malaysia, penggunaan komputer tidak banyak. Peratusan besar tetapi nilai kecil, berbanding negara seperti Jepun, Singapura yang mencatatkan nilai kerugian lebih besar," katanya.

Muhyiddin berkata, setakat ini, pihaknya belum dapat mengenal pasti pihak yang mendalangi kegiatan mencetak rompak perisian yang dipercayai berasingan daripada pengeluaran cakera video cetak rompak.

"Apa yang berlaku, kadangkala pembeli tulen membuat salinan perisian itu mengikut keperluan dengan menggunakan alat lebih kecil, berbanding pengeluaran cakera video," katanya.

